

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana penyertaan dan manfaat yang diraih oleh usahawan PKS dalam inisiatif pendigitalan PKS serta Skim Geran Pendigitalan PKS yang dilaksanakan berdasarkan kepada Belanjawan 2021

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) inisiatif pendigitalan PKS serta skim geran pendigitalan PKS yang terlibat iaitu Geran Automasi Pintar (SAG), Geran Digitalisasi PKS, *100 Go Digital* dan Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME).

Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG) merupakan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah keseluruhan kos projek atau sehingga had maksima RM200,000.00 (yang mana lebih rendah) bagi syarikat-syarikat perkhidmatan kecil sederhana (PKS) mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka dengan penggunaan teknologi

digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan PKS memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual. Mekanisme pelaksanaan Geran ini melibatkan kerjasama institusi kewangan, rakan industri, agensi kerajaan dan pakar industri.

Sejak SAG dilancarkan pada bulan Julai 2020, ia telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Sebanyak 556 permohonan telah diterima dan daripada jumlah ini, 66 syarikat PKS telah diberikan kelulusan manakala 55 permohonan telah ditolak atas sebab-sebab seperti, satu (1) tidak memenuhi syarat-syarat permohonan; dua (2) permohonan yang dimajukan tidak lengkap; tiga (3) kertas kerja tidak mencapai standard minimum untuk dimajukan kepada sesi pembentangan; dan empat (4) tidak memenuhi kriteria-kriteria penilaian yang telah ditetapkan pada sesi pembentangan untuk terpilih sebagai penerima geran. Manakala baki sebanyak 435 permohonan lagi sedang dalam proses pertimbangan.

SAG bertujuan untuk membantu syarikat perkhidmatan memulakan automasi bagi mencapai salah satu hasil berikut:

- i. Meningkatkan hasil pendapatan;
- ii. Menjimatkan kos perniagaan;
- iii. Pengurangan kitaran masa proses;
- iv. Pengurangan jam kerja / manusia; dan / atau
- v. Penghasilan sumber pertumbuhan baharu

Selain daripada Geran Automasi Pintar atau SAG ini, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada PKS dan Koperasi melalui Geran Digitalisasi PKS atau SME Business Digitalisation Grant (SBDG). Geran ini membantu PKS dan Koperasi untuk menerapkan teknologi digital dalam operasi perniagaan mereka. Kementerian Kewangan (MOF) telah melantik Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai peneraju utama dalam menyalurkan geran tersebut termasuk permohonan, pemprosesan dan pembayaran geran. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan rakan strategik kepada BSN di peringkat awal sahaja iaitu dalam memberikan khidmat nasihat bidang pendigitalan serta menyediakan senarai syarikat Pembekal Perkhidmatan atau Technology Solutions Provider (TSP) yang terpilih dan dipersetujui oleh BSN.

SOALAN NO : 27

Syarikat yang berkeelayakan boleh menerima geran padanan sebanyak 50% berjumlah sehingga RM5,000 untuk perkhidmatan yang memudahkan operasi harian syarikat. Terdapat tujuh (7) bidang pendigitalan yang boleh dipilih oleh PKS seperti berikut:

- Sistem Electronic Point of Sale (e-POS);
- Sistem Penggajian Sumber Manusia (HR) / *Customer Relationship Management (CRM)*;
- Pemasaran Digital / Jualan;
- Perolehan;
- Enterprise Resource Planning (ERP) / Perakaunan & Cukai;
- Kerja Jarak Jauh (Remote Working); dan
- e-Dagang.

100 Go Digital adalah inisiatif lain di bawah MDEC untuk mencapai sasaran pendigitalan PKS di bawah MyDIGITAL. Ia adalah sebahagian daripada usaha berterusan MDEC untuk memberikan sokongan dan bantuan kepada PKS bagi meningkatkan prestasi perniagaan mereka melalui rangkaian bengkel bimbingan. Inisiatif ini membolehkan perniagaan tradisional di sektor *food & beverage (F&B)*, peruncitan, perkhidmatan, logistik dan perkhidmatan profesional beralih ke arah digital. Hasil daripada bengkel ini, PKS dijangkakan dapat mencapai hasil seperti berikut:

- Dapat memahami kesan dan manfaat menggunakan digital di dalam perniagaan;
- Mampu merancang penggunaan penyelesaian digital di dalam perniagaan; dan
- Menerapkan sekurang-kurangnya satu (1) penyelesaian digital di dalam perniagaan.

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) dari MYNIC telah dilancarkan pada 27 November 2020 yang memfokuskan kepada 3 komponen utama;

- a. Penjenamaan Digital - Transformasi awal perniagaan dari *offline* ke *online* menggunakan nama domain .MY. 20,000 nama domain kategori baharu BIZ.MY ditawarkan secara percuma

SOALAN NO : 27

- kepada PKS;
- b. Platform Digital - Menyediakan platform digital termasuk inisiatif sokongan untuk dimanfaatkan oleh usahawan termasuk pemberian percuma aplikasi pemasaran digital GO2 Brand dengan nama domain BIZ.MY; dan
 - c. Pembangunan Modal Insan - Melatih dan melengkapkan usahawan termasuk golongan OKU untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan digital.

Terdapat 3 jenis latihan di bawah teras ini iaitu

- i. Webinar Percuma - Bagi menggalakkan & tingkat kefahaman tentang kepentingan Pendigitalan Perniagaan di kalangan PKS. Sehingga kini, sesi libat urus telah melibatkan 13,337 PKS;
- ii. Latihan 1 hari - Latihan Teknik Pemasaran Digital menggunakan Platform Media Sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp Business & Tik Tok.
Bimbingan diberikan selama 3 bulan.
- iii. Latihan 3 hari - Latihan Intensif Pemasaran Digital. Media Sosial & Pembangunan Laman Sesawang eDagang serta Teknik menggunakan *Search Engine Optimisation (SEO)*.
Bimbingan diberikan selama 3 bulan.
Untuk Latihan 1 hari dan Latihan 3 hari ini, sejumlah 793 telah dilatih dan 3,900 akan dilatih sehingga akhir tahun 2021.
- d. Sehingga kini, sebanyak 10 September 2021, sebanyak 28,902 nama domain .MY telah didaftarkan di bawah program PRIME.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan laporan kajian dan penilaian Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) serta sejauh manakah keberkesanan PdPR ini terhadap sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi menilai tahap keberkesanan PdP semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-based Learning* yang ditadbir secara dalam talian. Kajian ini memfokuskan kepada PdPR semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Skop kajian meliputi aspek pelaksanaan PdPR dalam tempoh

Mac hingga Julai tahun 2020 yang merangkumi pendekatan, kaedah, strategi, aplikasi dan peralatan yang digunakan. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada penjadualan PdPR, penyusunan semula Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan pentaksiran. Kajian ini melibatkan 13,156 orang pentadbir sekolah, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga.

Dapatan kajian menunjukkan pelibatan murid di bandar dalam PdPR secara talian adalah sebanyak 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus bagi murid di luar bandar. Bagi RPT pula, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana. Sebanyak 34.1 peratus murid menyatakan hasil pembelajaran di rumah adalah tidak seperti yang diperoleh di sekolah.

Selain itu, 51.2 peratus murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan tersebut, 48.9 peratus murid menyatakan sebab tertekan adalah kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0 peratus murid tertekan disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan. Sebanyak 53.4 peratus murid pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran.

Sebaliknya, terdapat murid menganggap PdPR merupakan suatu pengalaman baharu. Sebanyak 56.6 peratus murid berjaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran di rumah dan 49.7 peratus murid berasa seronok semasa mengikuti PdPR. Sebanyak 57.5 peratus murid berjaya menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru dalam masa yang ditetapkan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 36.0 peratus murid boleh belajar sendiri menggunakan bahan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP.

Selain daripada pelaksanaan kajian tersebut, pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian.

Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbing murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugas yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugas dengan pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*.

Rumusan daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa guru berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR. Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan semua murid mengikuti PdPR, data pelaporan pelibatan murid dikumpul secara harian bagi tujuan tindak susul dan intervensi pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Pelibatan murid merujuk kepada penyertaan mereka dalam sesi PdPR sama ada secara dalam talian, luar talian, *off-site* atau gabungan.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 30 Ogos 2021 menunjukkan peratus murid yang mengikuti PdPR meningkat. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.1 peratus iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.2 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 19.3 peratus iaitu daripada 78.0 peratus kepada 97.3 peratus.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PdPR berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan pada peringkat awal. Namun, intervensi yang dilaksanakan oleh KPM telah membantu murid mengikuti PdPR dengan lebih baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membangunkan satu kerangka holistik dalam memastikan PdP dapat terus dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, KPM akan terus menambah baik pelaksanaan PdPR bagi memastikan keberkesanannya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Bagi memantau penyertaan murid dalam PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Selain daripada itu, sewaktu sesi persekolahan dibuka semula sebelum ini, guru telah membuat pengesanan terhadap tahap penguasaan kemahiran murid. Ini membolehkan guru merancang dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian sewaktu PdPR.

KPM juga telah melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan

mata pelajaran. Program ini melibatkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan semula siaran TV Pendidikan. Murid boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Kandungan yang disediakan adalah berdasarkan kepada kurikulum peringkat prasekolah hingga ke tingkatan enam. Di samping itu, kandungan rancangan TV Pendidikan turut memuatkan slot yang berkaitan kokurikulum.

KPM turut menambah lebih banyak bahan PdP melalui Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Pelantar ini merupakan pusat rujukan sehenti yang mengandungi pelbagai aplikasi, perkhidmatan dan sumber pendidikan digital. Sehingga kini, 3,245 video kurikulum, 324 video pedagogi dan 1,761 video DidikTV telah dimuat naik di pelantar DELIMa. KPM juga telah menaik taraf dan menambah baik pelantar DELIMa (DELIMa 2.0) dengan fitur baharu mulai Ogos 2021. Fitur baharu ini memberi fokus kepada pengalaman pengguna, analitis data, kandungan dan pembelajaran diperibadikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memperkasa program latihan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) kepada guru. Ini termasuklah latihan yang memberi fokus kepada kemahiran digital, pedagogi dalam dan luar talian serta pentaksiran secara dalam talian dan luar talian. Sehingga 17 September 2021, sebanyak 12,048 aktiviti PPB berkaitan PdPR dan 1,949 PPB berkaitan Digital/ICT telah direkodkan.

KPM yakin kerangka holistik yang dirancang dan dilaksanakan ini membolehkan murid mengikuti PdPR secara lebih berkesan. Pada masa yang sama, KPM telah merangka pelan pembukaan semula sekolah yang komprehensif untuk membawa murid kembali ke sekolah dalam keadaan teratur dan selamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. MASZLEE BIN MALIK**
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

SOALAN

Dr. Maszlee Bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah insentif yang diberikan kepada para pengusaha IPTS dan tadika swasta yang terkesan teruk akibat kesan ekonomi di kala wabak COVID19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa pengusaha Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan tadika swasta terjejas teruk akibat penutupan sektor ekonomi berikutan pandemik COVID-19. Walaupun tiada bantuan secara khusus yang diperuntukkan kepada pengusaha IPTS, mereka boleh memohon kemudahan penangguhan bayaran balik pinjaman atau moratorium pinjaman bagi mengurangkan beban menguruskan aliran tunai tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan Program Subsidi Upah (PSU) bagi membantu majikan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Bagi mereka yang belum memohon program ini, permohonan bagi PSU 4.0 di bawah pakej PEMULIH boleh berbuat demikian sebelum 31 Oktober 2021.

Selain itu, antara insentif lain yang diberikan kepada pengusaha tadika swasta adalah seperti berikut:

- i. Melalui pakej PENJANA yang diumumkan pada tahun 2020, Kerajaan telah mengumumkan Bantuan Khas Tadika dan Taska yang merupakan bantuan kewangan berbentuk geran sebanyak RM5,000 kepada pengusaha. Sebanyak RM12,145,500 telah diagihkan kepada 2,623 pengusaha taska yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Bagi Tadika pula, sebanyak RM25,387,000 telah diagihkan kepada 5,085 pengusaha tadika yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- ii. Melalui pakej PEMULIH, Kerajaan telah mengumumkan Bantuan Khas Taska yang merupakan bantuan geran kewangan geran sebanyak RM3,000 bagi pengusaha taska awam dan swasta. Dianggarkan, sebanyak 4,400 taska di bawah seliaan KPWKM serta lebih 8,000 pengusaha tadika swasta seliaan KPM akan menikmati geran ini. Proses permohonan masih lagi berjalan bagi

menentukan jumlah taska dan tadika yang terlibat bagi tujuan penyaluran bantuan tersebut.

Sekian, terima kasih.